PENDAKWA RAYA

lwn.

MOHD. YUSOF SAID

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
MOHD. SAARI YUSOFF PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-30-91]
15 MAC 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Dadah berbahaya - Ahli kimia menganalisa daun kering - Kanabis - Beg dan jaket dalam kawalan - Keterangan saksi pendakwa 'substantially consistent' - Munasabah dan boleh dipercayai - Keterangan pengecaman jaket samada boleh disifatkan sebagai 'admission' - Pengakuan dibuat kepada pegawai yang berpangkat lebih rendah daripada Inspektor - Samada keterangan tersebut diterima oleh Mahkamah. Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1980) s. 37(a), 37(d), (da), 39B(1)(a), (2).*

Dalam kes ini, tertuduh telah dituduh di Mahkamah Tinggi Kangar dengan mengedar dadah berbahaya dibawah s. 39B(1)(a) dan 39B(2) DDA 1952. Tertuduh menafikan bahawa beg dan jaket itu kepunyaannya. Pihak pendakwa telah mengemukakan keteranganya untuk membuktikan sebaliknya.

Diputuskan:
[1] Pihak pembelaan gagal mematahkan andaian dibawah s. 37(d) dan s. 37(da) DDA, 1952 diatas imbangan kemungkinan (on balance of probalities). Pihak tertuduh ada kes untuk menjawab.

[2] Pihak pembelaan telah gagal menimbul apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa.

[3] Tertuduh didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mandatori.

[Tertuduh bersalah, hukuman mandatori dijatuhkan]

Kes-kes yang dirujuk:
PP lwn. Yap Hai Ling [1990] 2 CLJ (Rep) 909 ***(dirujuk)***
PP lwn. Yuvaraj [1969] 2 MLJ 91 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37A, 37(d), (da), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa - A.C. Fernandis, TPR
Bagi pihak tertuduh - G.N. Christie; T/n. Christie

PENGHAKIMAN

Mohd. Saari Yusoff PK:

Pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2 Mac 1989, lebih kurang jam 12.00 tengahari, di kilometer 30, Jalan Kangar - Padang Besar, di dalam daerah Kangar di dalam Negeri Perlis telah mengedar dadah berbahaya iaitu 1,302.9 gram kanabis dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1980) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak pendakwa ialah pada 2 Mac 1989 lebih kurang 10.30 pagi, Ismail (PW8) pemandu teksi PH 1872 sedang berada di perhentian teksi Padang Besar, Perlis, menunggu penumpang-penumpang untuk ke Butterworth.

Penumpang pertama yang tiba ialah seorang lelaki Cina (PW3) yang membawa tiga beg, iaitu satu beg pakaian warna coklat, satu beg plastik warna coklat dan satu beg kertas kecil.

Penumpang kedua, juga seorang lelaki Cina. Dia membawa satu beg plastik berisi buah-buahan.

Penumpang ketiga ialah seorang lelaki Melayu (tertuduh yang selepas ini dipanggil "T"). Dia membawa:

i) satu beg bimbit warna hitam (P11);

ii) satu beg plastik warna hijau yang berisi dua bantal berbentuk hati dan sehelai jaket hijau (P10).

Sepatutnya, PW8 menunggu seorang penumpang lagi sebelum bertolak tetapi oleh kerana T mempelawa membayar tambang untuk dua penumpang, PW8 bersetuju bertolak ke Butterworth. Selepas itu, T meletak beg plastik hijau bersama jaket dalam boot di sebelah kiri, sementara, PW3 meletak barang-barangnya di sebelah kanan boot.

Dalam perjalanan, T duduk di bahagian hadapan sebelah pemandu (PW8) dengan meletak beg hitam di bahagian hadapan di antara kedua kakinya. Dua penumpang lain duduk di bahagian belakang teksi.

Dalam perjalanan, teksi yang dipandu oleh PW8 berhenti di sekatan jalanraya lebih kurang 12.00 tengahari 2 Mac 1989 untuk pemeriksaan oleh dua anggota UPP (PW2 dan PW6). Hasil pemeriksaan tersebut, PW2 dan PW6 menjumpai satu bungkusan daun-daun kering (P4A) yang disyaki ganja dalam poket kanan jaket dan satu lagi (P4B) dalam poket kiri.

Pada hari yang sama, semasa di Balai Polis Padang Besar, pemeriksaan rapi dibuat ke atas jaket (P10) dan beg hitam (P11) yang mengandungi di antara lain pakaian seperti 'jeans', baju tidur dan 'track suit'. Dari lipatan 'jeans' (P13) terdapat dua bungkusan daun-daun kering (P5A & B) yang disyaki ganja; dari lipatan baju tidur (P14) terdapat satu lagi bungkusan (P6); dari lipatan 'track suit' (P16) terdapat satu lagi bungkusan (P7). Jumlah bungkusan daun kering yang dijumpai termasuk dua bungkusan (P4A) & B) yang dijumpai dalam poket jaket, ialah 6 bungkusan.

Ahli kimia (PW1) yang menganalisa daun-daun kering tersebut telah mengesahkan bahawa daun-daun kering yang dijumpai ialah kanabis seperti yang ditakrif di bawah DDA 1952. Jumlah berat kanabis ialah 1302.9 gram.

Berlandas kepada keterangan-keterangan seperti di atas, saya berpuashati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membukti dengan sepenuhnya iaitu jaket (P10) dan beg hitam (P11) serta kandungan (P5 - 7) berada dalam jagaan atau kawalan T, oleh itu dengan sendirinya andaian di bawah s. 37(d) DDA, 1952 terpakai. Memandangkan jumlah kanabis yang dijumpai melebihi 200 gram andaian di bawah s. 37(da) Akta yang sama juga terpakai.

Di akhir kes pihak pendakwa, selaras dengan prinsip yang dinyatakan dalam kes *Haw Tua Tau*, saya berpendapat, T ada kes untuk dijawab.

Mengikut kes pihak pembelaan, T (yang tiba dari Thailand) berhenti di perhentian teksi di Padang Besar untuk menaiki teksi. Pada masa itu, ada sebuah teksi PH 1872 yang sedang menunggu penumpang-penumpang untuk pergi ke Butterworth. T menyatakan, ketika itu dia tidak membawa apa-apa.

Persoalannya, siapa yang bertanggungjawab membawa beg (P11) dan jaket (P10) yang dipertikaikan itu.

Dalam keterangan di Mahkamah, dua orang saksi pihak pendakwa (PW3, PW8) menyokong satu sama lain.

Dengan lain perkataan, keterangan mereka adalah 'substantially consistent'. Misalan, dalam keterangan PW3, dia berkata, dia nampak T membawa beg hitam (P11) dan kemudian meletak beg tersebut dalam teksi berdekatan dengan kaki T. T duduk di bahagian hadapan sebelah pemandu. Sementara, mengikut keterangan PW8 (pemandu teksi), T meletak beg hitam di antara kedua kaki T. Keterangan PW8 adalah lebih jelas memandangkan kedudukannya dengan T lebih dekat berbanding dengan PW3. Berkaitan dengan jaket hijau (P10), kedua saksi tersebut berkata, Y menyimpan jaket hijau (P10) bersama barang-barang T yang lain dalam boot di sebelah kiri sebelum T menaiki teksi.

Kedua PW3 dan PW8 merupakan orang awam biasa. PW3 ialah seorang penumpang yang secara kebetulan menaiki teksi, sementara PW8 pemandu kepada teksi yang terlibat. Keterangan mereka disampaikan dengan jelas dan terang dan semasa disoalbalas oleh peguam, mereka tidak tergugat (shaken) dan tidak memberi keterangan bertentangan. Pada pemerhatian saya, nampaknya kedua-dua saksi tidak kenal T sebelum kejadian. Saya dapati keterangan mereka munasabah dan boleh dipercayai (inherently credible).

Juga, pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan PW3 dan PW6 yang menahan teksi di sekatan jalanraya.

Ekoran dari penemuan dua bungkusan ganja (P4A & B) dalam poket jaket (P10), jaket dan beg hitam (P11) serta kandungan diperiksa dengan rapi di balai polis Padang Besar.

Keterangan T merupa suatu penafian (denial) sahaja.

Dalam keterangan T, dia mengaku mengenai beg hitam (P11) terletak di lantai di bahagian hadapan kereta tetapi dia menyatakan, beg tersebut telahpun berada di situ semasa dia menaiki teksi. Dalam keadaan biasa, seorang penumpang yang tidak ingin menyimpan sesuatu barang dalam boot kereta akan meletak barang itu seberapa dekat dengan tempat duduknya. Oleh itu, memandangkan kepada keterangan PW3 dan PW8 yang terang dan nyata itu, saya tidak boleh terima keterangan T itu.

Pada keseluruhannya saya dapati, keterangan saksi-saksi pihak pendakwa begitu meyakinkan (convincing) dan munasabah khususnya keterangan PW3, PW8, PW2, PW6, PW7 (I.O.) dan PW1. Saya dapati mereka jujur dan boleh diharap. Oleh itu, saya tidak teragak-agak menerima keterangan mereka.

Ada satu perkara lain. Walaupun ia tidak dibangkit oleh pihak pembelaan, demi keadilan, ingin saya menyentuh sedikit tentang episod yang berlaku di sekatan jalanraya dan sebelum T memasuki balai polis Padang Besar. Dalam episode tersebut, T dikehendaki membuat pengecaman jaket (P10) dan barang-barang lain dalam boot kepada PW2 dan PW6. Setelah sampai di perkarangan balai polis Padang Besar, di atas arahan PW2, T membawa masuk beg hitam (P11) serta kandungan ke dalam balai polis untuk pemeriksaan.

Saya berpendapat bahawa keterangan berkaitan dengan pengecaman jaket (P10) oleh T dan keterangan tentang T membawa masuk beg (P11) serta kandungan ke dalam balai boleh disifatkan sebagai pengakuan (admission) dan oleh itu, menyalahi s. 37(A) DDA, 1952 (*PP lwn. Yap Hai Ling* [1990] 2 CLJ (Rep) 909 m.s. 913). Tiada amaran diberi kepada T dan pengakuan oleh T dibuat kepada pegawai yang berpangkat lebih rendah daripada Inspektor.

Justeru itu, untuk tujuan menentukan kesalahan (guilt) T, saya langsung tidak mengambil kira keterangan di mana T telah membuat pengecaman jaket (P10) di hadapan PW2 dan PW6 dan keterangan mengenai T membawa masuk beg (P11) serta kandungan ke dalam balai.

Akhir sekali, selepas mengkaji keseluruhan kes pihak pendakwa dan kes pihak pembelaan dan setelah menimbang bersama dengan 'demeanour' T, saya berpendapat, pihak pembelaan telah gagal mematahkan andaian di bawah s. 37(d) dan s. 37(da) DDA, 1952 atas imbangan kemungkinan (on balance of probabilities) (*PP lwn. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 91). Juga saya berpendapat, pihak pembelaan telah gagal menimbul apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa. Seterusnya, saya mendapati T bersalah dan dia disabitkan.

Saya menjatuhkan hukuman mandatori dengan T dihukum gantung sampai mati.

Also found at [1992] 3 CLJ 1706